

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

MAT261 - Teori Kebarangkalian I

Tarikh: 28 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

Jawab KELIMA-LIMA soalan.

1. (a) Jika A, B dan C adalah tiga peristiwa di sini  $P(A \cap B \cap C) \neq 0$  dan  $P(C|A \cap B) = P(C|B)$ , tunjukkan bahawa  $P(A|B \cap C) = P(A|B)$ .

(20/100)

- (b) Suatu ujian telah diberikan kepada pelajar-pelajar kelas psikologi. Ujian tersebut mengandungi 10 soalan. Enam soalan yang pertama berbentuk 'salah-benar' dan yang bakinya adalah soalan-soalan pilihan berganda, setiap soalan dengan empat pilihan.

Katakan Ani mengambil ujian tanpa sebarang persediaan dan dia hanya meneka untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

- (i) Cari kebarangkalian bahawa dia menjawab dengan betul pada soalan-soalan yang bernombor genap sahaja.
- (ii) Andaikan Ani boleh lulus jika dan hanya jika dia betul di dalam sekurang-kurangnya 5 soalan 'salah-benar' dan juga betul di dalam sekurang-kurangnya 3 soalan pilihan berganda. Apakah kebarangkalian bahawa Ani lulus di dalam ujian tersebut.

(40/100)

- (c) Di dalam sebuah bilik terdapat kotak-kotak yang berisikan mentol lampu. 40% daripada kotak-kotak tersebut mengandungi lampu-lampu yang bermutu rendah dengan kebarangkalian akan menyala 0.8; 40% lagi mengandungi lampu-lampu yang bermutu sederhana dengan kebarangkalian akan menyala 0.9; dan bakinya mengandungi lampu-lampu yang bermutu tinggi yang pasti menyala.

- (i) Jika sebuah kotak dipilih secara rawak dan dua biji mentol lampu daripada kotak itu diuji, apakah kebarangkalian bahawa satu daripada lampu-lampu tersebut menyala.
- (ii) Jika kedua-dua biji lampu didapati menyala, apakah kebarangkalian bahawa kotak yang dipilih mengandungi lampu-lampu yang bermutu tinggi.

(40/100)

2. (a) Pembolehubah rawak  $X$  mempunyai fungsi ketumpatan  $f(x)$  yang ditakrifkan oleh:

$$f(x) = \begin{cases} \frac{1}{2}a - x & , \quad 0 \leq x \leq 1 \\ x - a & , \quad 2 \leq x \leq 3 \\ 0 & , \quad \text{di tempat lain} \end{cases}$$

- (i) Tentukan nilai  $a$  supaya  $f(x)$  menjadi suatu f.k.k. untuk  $X$ .
- (ii) Dapatkan  $E(X)$ ,  $\text{Var}(X)$  dan fungsi taburan longgokan untuk  $X$ .

(30/100)

- (b) Suatu pembolehubah rawak "log series"  $X$  ditakrifkan seperti yang berikut:

$$\Pr[X = r] = [-\ln(1 - \alpha)]^{-1} \left[ \frac{\alpha^r}{r} \right], \quad r = 1, 2, \dots$$
$$0 < \alpha < 1$$

- (i) Tunjukkan bahawa fungsi penjana momen untuk  $X$  adalah  $\frac{\ln(1 - \alpha e^t)}{\ln(1 - \alpha)}$
- (ii) Cari  $E(X)$  dan  $\text{Var}(X)$ .

(30/100)

- (c) Katakan pembolehubah rawak  $X$  tertabur secara seragam di atas selang  $(1, 5)$  dan p.r.  $Y = \frac{X}{5 - X}$ .  
Cari fungsi taburan longgokan bagi  $Y$  dan seterusnya dapatkan fungsi ketumpatan kebarangkalian bagi  $Y$ .

(30/100)

3. (a) Katakan pembolehubah rawak  $(X, Y)$  mempunyai f.k.k. tercantum

$$f(x, y) = \begin{cases} 3x & , 0 < y < x < 1 \\ 0 & , \text{di tempat lain} \end{cases}$$

Cari

- (i) f.k.k. sut untuk  $X$  dan f.k.k. sut untuk  $Y$ .
- (ii) f.k.k. bersyarat  $h_1(x|y)$ .
- (iii)  $\Pr(X \leq \frac{3}{4}, Y \leq \frac{1}{2})$
- (iv)  $\Pr(X \leq \frac{1}{2} | Y \geq \frac{3}{4})$
- (v) Adakah  $X$  dan  $Y$  tak bersandar?

(30/100)

- (b) Katakan  $X_1$  mempunyai min 2 dan varians 25 manakala  $X_2$  mempunyai min 1 dan varians 16. Koefisien korelasi bagi  $X_1$  dan  $X_2$  adalah  $\rho = 0.3$ . Tentukan:

- (i)  $\text{Var}(3X_1 - X_2)$
- (ii)  $\rho_{X_1+X_2, X_1-X_2}$
- (iii)  $\mu_{X_1 X_2}^2$

(30/100)

- (c) Katakan pembolehubah rawak  $X_1 \sim \text{Poisson } (\lambda)$  dan f.k.k. bersyarat bagi  $X_2$  diberi  $X_1 = x_1$  adalah Binomial  $(x_1, p)$ .

- (i) Cari f.k.k. tercantum bagi  $X_1$  dan  $X_2$ .
- (ii) Cari f.k.k. sut bagi  $X_2$ .
- (iii) Dapatkan  $E(X_2 | X_1)$ .
- (iv) Dengan menggunakan (iii) dapatkan  $E(X_1 X_2)$ .

(40/100)

.../4

4. (a) Katakan pembolehubah rawak  $X$  mempunyai f.k.k. berikut:

$$f(x) = \frac{1}{\sqrt{2\pi}} x^{-2} e^{-\frac{1}{2x^2}}, \quad -\infty < x < \infty$$

Diberi  $Y = \frac{1}{X}$  dan  $U = Y^2$

- (i) Cari f.k.k. bagi pembolehubah rawak  $Y$ .
- (ii) Cari f.k.k. bagi pembolehubah rawak  $U$ .
- (iii) Jika diketahui  $U$  dan  $Y$  adalah p.r. tak bersandar dan  $T = \frac{Y}{\sqrt{U}}$ ; dapatkan  $E(T)$  dan  $\text{Var}(T)$ .

(50/100)

(b)  $X_1$  dan  $X_2$  adalah dua pembolehubah rawak normal piawai tak bersandar iaitu, f.k.k. sepunya untuk  $X_1$  dan  $X_2$  adalah berbentuk:

$$f(x) = \frac{1}{\sqrt{2\pi}} e^{-\frac{1}{2x^2}}, \quad -\infty < x < \infty$$

Diberi  $Y = (X_2 - X_1)^2/2$ .

- (i) Dapatkan f.p.m. untuk  $Y$ .
- (ii) Katakan  $Y_1, Y_2, \dots, Y_n$  adalah sampel rawak saiz  $n$  daripada suatu populasi yang mempunyai taburan secaman dengan f.k.k.  $Y$ . Terbitkan taburan bagi  $U = Y_1 + Y_2 + \dots + Y_n$  dan camkan bentuk taburan  $U$ .

(50/100)

5. (a) P.r. bivariat  $(X, Y)$  tertabur secara seragam atas segiempat sama dengan bucu-bucu pada  $(0, 0), (1, 2), (2, 0)$  dan  $(1, -2)$ .

- (i) Cari f.k.k. tercantum bagi  $U = X + Y$  dan  $V = X - Y$ .
- (ii) Adakah  $U$  dan  $V$  saling tak bersandar.

(30/100)

- (b) Katakan  $Y_1 < Y_2 < \dots < Y_5$  menandakan statistik tertib bagi suatu sampel rawak yang bersaiz 5 daripada suatu taburan dengan f.k.k.:

$$f(x) = \begin{cases} e^{-x} & , \quad x \geq 0 \\ 0 & , \quad \text{di tempat lain} \end{cases}$$

Tunjukkan bahawa  $Z_1 = Y_2$  dan  $Z_2 = Y_4 - Y_2$  adalah saling tak bersandar.

(30/100)

- (c) Dua pembolehubah rawak tak bersandar,  $X_1$  dan  $X_2$  mempunyai f.k.k. sepunya, iaitu

$$f(x) = \begin{cases} \frac{1}{\beta} e^{-x/\beta} & , \quad x \geq 0, \beta > 0 \\ 0 & , \quad \text{di tempat lain} \end{cases}$$

(i) Cari f.k.k. untuk  $Y = X_1 - X_2$  dan  $Z = \frac{X_1}{X_2}$ .

(ii) Dapatkan f.k.k. sut bagi  $Y$ .

(iii) Dapatkan f.k.k. sut bagi  $Z$ .

(40/100)

-ooooOooo-